



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Kenyataan Media

15 Februari 2017

CAP Kesal Kenyataan EXCO Pulau Pinang SANGGUP MUSNAHKAN HUTAN PAYA BAKAU DEMI PEMBANGUNAN

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) kesal dengan kenyataan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Pulau Pinang YB Phee Boon Poh, yang dilaporkan dalam akhbar hari ini, kerana sanggup memusnahkan hutan paya bakau di Bagan Jermal bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek tambakan laut di kawasan itu.

Menurut YB Phee aktiviti penebangan hutan paya bakau berkeluasan 9.38 hektar di sini bertujuan untuk menjana pendapatan kerajaan negeri dari terbiar begitu sahaja tanpa sebarang hasil. Mengulas laporan akhbar tempatan hari ini (*Berita Harian* : 15.2.2017) mengenai perkara itu, CAP meminta YB Phee membuktikan hasil kajian yang menunjukkan bahawa hutan paya bakau yang terlibat di kawasan tersebut terbiar tanpa memberi apa-apa faedah kepada alam sekitar dan kehidupan nelayan tempatan.

CAP berharap beliau tidak hanya memandangkan bintang di langit (projek pembangunan) tetapi lupa rumput di bumi (alam sekitar dan kehidupan rakyat). Hutan paya bakau yang terdapat di kawasan Bagan Jermal dan seluruh negeri ini merupakan khazanah alam semulajadi yang tidak ternilai jika exco alam sekitar ini hendak bandingkan dengan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan Pulau Pinang.

Nilai paya bakau di Malaysia untuk perlindungan dari ribut dan mengawal banjir adalah dianggarkan USD300,000 per km pesisiran pantai, berdasarkan kepada kos penggantian bakau dengan tembok batu (Ramsar Secretariat, 2001). Hutan paya bakau juga menyimpan sejumlah besar stok karbon. Fungsinya sebagai sinki karbon iaitu menyimpan karbon dioksida menyumbang kepada mitigasi perubahan iklim.

Hutan paya bakau di kawasan tersebut bukan saja menjadi benteng kepada ancaman tsunami tetapi yang lebih penting ia merupakan tempat pembiakan hidupan laut yang menghasilkan sumber pendapatan kepada masyarakat nelayan dan generasi masa depan mereka serta bekalan makanan untuk rakyat. Laporan UNEP-WCMC tahun 2006 menyatakan bahawa hutan paya bakau di Semanjung Malaysia menyokong perikanan bernilai USD250,000/km²/tahun.

CAP berasa kecewa seorang EXCO alam sekitar dan kebajikan tidak sedar tentang kesemua fungsi-fungsi bakau kepada alam sekitar dan ekonomi rakyat. Dengan itu kami meminta YB Phee turun padang melihat secara dekat apa yang telah berlaku ke atas alam sekitar, sumber perikanan dan kehidupan nelayan pantai di Balik Pulau dan Seberang Perai Selatan (SPS) akibat kemusnahan hutan paya bakau di kawasan berkenaan.

CAP membantah keras aktiviti penambakan laut di negeri ini dan menggesa kerajaan Pulau Pinang membatalkan semua projek pembangunan yang melibatkan hutan paya bakau dan boleh menjejaskan alam sekitar serta kehidupan rakyat. CAP berpendapat program penanaman semula pokok bakau perlu dilaksanakan secara meluas di negeri ini agar khazanah alam semulajadi itu terus kekal.

S. M. Mohamed Idris
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang